

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU****PEPERIKSAAN AKHIR****SEMESTER II SESI 2018/2019 (SARJANA MUDA)**

KURSUS	:	HADITH PILIHAN
KOD KURSUS	:	NCC3009
TARIKH	:	18 JUN 2019 (SELASA)
TEMPAT	:	DEWAN SULTAN MIZAN
MASA	:	9.00 – 11.00 PAGI (2 JAM)

NO. MATRIK	:	_____
NAMA PROGRAM	:	_____
NO. MEJA	:	_____

**ARAHAN KEPADA CALON**

- i. Sila jawab semua soalan di bahagian A dan B.
- ii. Bagi menjawab soalan di bahagian A, sila hitamkan jawapan anda pada ruangan yang sepadan pada kertas OMR yang disediakan. Manakala bagi bahagian B, anda perlu menjawab pada kertas kosong yang disediakan.

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

KERTAS SOALANINI MENGANDUNGILAPAN BELAS (18) MUKA SURAT BER CETAK

**BAHAGIAN A: SOALAN ANEKA PILIHAN**

1. Apakah yang dimaksudkan dengan al-Hadith dari sudut bahasa?

- A. perbuatan
- B. percakapan
- C. kata-kata nabi saw
- D. sesuatu yang baharu

ترکُتُ فِيكُمْ أَمْرٌ لَنْ تَضْلُلُوا مَا تَمَسَّكُمْ بِهَا : كِتَابُ اللَّهِ وَسُنْنَةُ نَبِيِّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

2. Apakah 2 (dua) dasar yang menjadi teras kepada agama Islam berdasarkan sabda Rasulullah SAW di atas?

- A. al-quran dan qias'
- B. al-quran dan ijma'
- C. al-quran dan al-hadith
- D. al-hadith dan al-sunnah

3. Berikut merupakan isi kandungan (*matan*) yang datang dari Allah. Manakah yang betul daripada yang berikut ?

- i. al-quran
  - ii. hadith qudsi
  - iii. hadith nabawi
  - iv. hadith sahih
- 
- A. i dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. i, ii dan iii
  - D. semua yang di atas

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ °

◦ Bermaksud :"kami yang menurunkan al-Zikr dan kami lah yang menjaganya"

4. Berdasarkan surah al-Baqarah ayat 31, apakah yang dimaksudkan dengan al-Zikr?

- A. hadith
- B. al-quran
- C. al-quran, taurat, injil dan zabur
- D. tasbih, tahmid, takbir dan tahlil

5. Apakah yang **paling tepat** dengan maksud pensyariatan hadith ?

- A. hadith sebagai kata-kata Nabi SAW
- B. hadith sebagai sunnah Rasulullah SAW
- C. hadith sebagai pelengkap dalam memahami al-quran
- D. hadith sebagai hujah kepada umat islam untuk menjadikan sandaran hukum

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِيمَا رَوَى عَنِ اللَّهِ تَبَارَكَ وَتَعَالَى أَنَّهُ قَالَ :  
يَا عَبْدِي إِنِّي حَرَمْتُ الظُّلْمَ عَلَى نَفْسِي وَجَعَلْتُهُ بَيْنَكُمْ مُحَرَّمًا فَلَا تَظَالَمُوا

Bermaksud: *Dari Nabi SAW sebagaimana daripada Allah SWT, katanya: Wahai hambaku, Aku haramkan kezaliman dariku dan Aku haramkan juga di atas kamu semua, dan janganlah kamu berbuat zalim.*

6. Berdasarkan hadith di atas, apakah istilah yang **paling tepat** tentang kategori hadith tersebut?

- A. hadith ilahi
- B. hadith qudsi
- C. hadith nabawi
- D. hadith mutawatir dan ahaad

"Sesuatu yang diajar atau dilakukan oleh Nabi SAW sama ada tindakan tersebut menjadi wajib, sunat, makruh, harus dan haram"

7. Apakah yang dimaksudkan dengan pentakrifan di atas?

- A. athar
- B. hadith
- C. sunnah
- D. pembahagian hukum dalam islam

"Sunnah adalah sesuatu yang berlawanan dengan bidaah"

8. Siapakah tokoh yang mendefinisikan sunnah di atas?

- A. Syeikh Wahbah al-Zuhaili
- B. Syeikh Yusuf al-Qaradawi
- C. Syeikh Abdul Kareem Zaidan
- D. Syeikh Said Ramadhan al-Buthi

9. Apakah kitab hadith yang tertua dalam sejarah Islam?

- A. sahih muslim
- B. sahih bukhari
- C. kitab al-muwatta'
- D. musnad imam ahmad

10. Siapakah penyusun kitab hadith Sahih Bukhari?

- A. Imam Muhammad bin Isa
- B. Imam Muhammad bin Idris
- C. Imam Muhammd bin Yazid
- D. Imam Muhammad bin Ismail

من كذب عليٍ فليتبأ مقعده من النار -

*Bermaksud: "Sesiapa yang mendustaiku, maka bersiap sedialah tempat duduknya di neraka".*

**Hadith Riwayat Bukhari**

11. Apakah status hadith di atas?

- A. *ahaad masyhur*
- B. *mutawatir amali*
- C. *mutawathir lafdzi*
- D. *mutawatir ma'nawi*

ال المسلمين من سلم المسلمين من لسانه ويده -

*Bermaksud: Orang muslim itu ialah mereka yang menyelamatkan orang muslim yang lain dari lisan dan tangannya"*

**Hadith Riwayat Bukhari dan Muslim.**

12. Apakah status hadith di atas?

- A. *ahaad mutlak*
- B. *ahaad masyhur*
- C. *ahaad muqayyad*
- D. *mutawathir ma'nawi*

Hadith *dhaif* ialah hadith yang tidak memenuhi hadith-hadith yang *maqbul* (diterima sebagai hadith). Atau tidak memenuhi ciri-ciri hadith *Sahih* dan *Hasan*

13. Siapakah yang memberi definisi hadith dhaif di atas?

- A. Imam al-Tirmizi
- B. Al Hafiz Ibn Hajar
- C. Imam al-Syaukani
- D. Imam Jalaluddin al-Suyuti

14. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah hadith *masyhur muqayyad*?

- A. hadith yang masyhur dan menonjol
- B. hadith *ahaad* yang dikenali oleh orang ramai
- C. hadith *ahaad* yang dikenali oleh golongan ahli hadith
- D. hadith *mutawathir* yang dikenali oleh golongan ahli hadith

15. Kenapakah munculnya hadith palsu?

- i. menggalakkan orang awam melakukan kebaikan dan memberi peringatan daripada melakukan kemungkaran
  - ii. untuk merosakkan agama dan menjadikan umat islam dalam keraguan terhadap ajaran islam
  - iii. sikap fanatik kepada mazhab, bangsa, kabilah dan negeri tertentu
  - iv. untuk kepentingan dan keuntungan peribadi seperti pangkat, menarik minat pendengar dan mlariskan jualan
- A. i dan ii
  - B. i dan iii
  - C. i, ii dan iii
  - D. semua yang di atas

16. Mana satukah yang **tidak benar** tentang kesan penyebaran hadith palsu?

- A. merosakkan akidah islam
- B. menempah tempat ke neraka
- C. menjatuhkan nilai kewibawaan islam
- D. menjadikan umat islam lebih kreatif dalam urusan duniawi

لو أحسن أحدهم ضته بحجر لتفعه

Bermaksud: *Jika seseorang kamu berbaik sangka dengan batu, nescaya batu tersebut akan memberi manfaat kepadanya. (Hadith Palsu)*

17. Apakah kesan yang **paling utama** daripada penyebaran hadith palsu di atas?

- A. merosakkan akidah islam
- B. menjatuhkan nilai kewibawaan islam
- C. menjadikan umat islam lebih kreatif dalam urusan agama
- D. menjadikan nas-nas al-quran dan hadith saling bercanggahan

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرٍ مَا تُوْرِي. فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ،  
وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرًا يُنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ.

Bermaksud: "Setiap amalan mestilah dengan niat. Dan setiap perkara bergantung kepada apa yang diniatkan. Sesiapa yang berhijrah kerana Allah dan RasulNya, Hijrahnya itu untuk Allah dan Rasul (dapat pahala). Namun, sesiapa yang berhijrah kerana dunia, dia akan dapat memiliki, atau kerana wanita akan dinikahinya. Maka hijrah seseorang itu bergantung kepada apa yang diniatkan hijrah tersebut.

**Riwayat Bukhari dan Muslim.**

### Soalan 18- 21 berdasarkan hadith di atas

18. Siapakah sahabat yang meriwayatkan hadith di atas ?

- A. Irbadh bin Sariyah
- B. Abu Bakar al-Siddiq
- C. Umar bin Al-Khattab
- D. Muawiyah bin Abi Sufyan

19. Apakah isu-isu yang dibincangkan di dalam hadith di atas.?

- i. niat dalam setiap amalan
  - ii. hijrah mesti ikhlas kepada allah dan rasul
  - iii. ketaatan kepada rasulullah saw perlu diberi keutamaan
  - iv. seseorang sahabat wanita yang berhijrah perlu dicari jodoh yang sesuai kerana pengorbanannya
- A. i dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. i, ii dan iii
  - D. semua yang di atas

20. Apakah jasa-jasa besar yang dilakukan oleh perawi hadith di atas?

- i. pembebasan kota maqdis
  - ii. reformasi pentadbiran negara
  - iii. memerangi golongan murtad
  - iv. membukukan al-quran menjadi naskhah bertulis
- A. i dan ii  
 B. ii dan iii  
 C. i, ii dan iii  
 D. semua yang di atas

21. Manakah yang berikut **bukan** tempat niat (*miqat*) haji dan umrah?

- A. Hudaibiyyah  
 B. Zul Hulaifah  
 C. Qarnul Manazil  
 D. Masjid Nabawi

• تفکروا فی خلق الله ولا تفکروا فی الله فتهلكوا

Bermaksud: *Berfikirlah kamu tentang makhluk yang Allah jadikan, dan jangan kamu berfikir tentang (zat) Allah, maka kamu akan binasa*

**Riwayat Abu al-Syeikh dalam Faidh al-Qadir**

**Soalan 22 - 26 berdasarkan hadith di atas.**

22. Siapakah yang meriwayatkan hadith ini dalam kalangan sahabat Rasulullah SAW?

- A. Abu Dzar al-Ghfari  
 B. Abu Said al-Khudri  
 C. Abu Ayyub al-Ansari  
 D. Abdul Rahman bin Auf

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ وَخَلْقِ الْأَنْوَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْثَعُ أَنَّاسٌ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ  
مِنْ مَاءٍ فَأَخْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَئَثَ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَائِيَةٍ وَتَصْرِيفِ الرَّيْحِ وَالسَّحَابِ الْمُسْتَحْرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لَا يَتَّ  
لْقَوْمَ يَعْقُلُونَ ١٦٤

164. Sesungguhnya dalam penciptaan langit dan bumi, silih bergantinya malam dan siang, bahtera yang berlayar di laut membawa apa yang berguna bagi manusia, dan apa yang Allah turunkan dari langit berupa air, lalu dengan air itu Dia hidupkan bumi sesudah mati (kering) -nya dan Dia sebarkan di bumi itu segala jenis hewan, dan pengisaran angin dan awan yang dikendalikan antara langit dan bumi; Sungguh (terdapat) tanda-tanda (keesaan dan kebesaran Allah) bagi kaum yang memikirkan.

23. Pada pandangan anda, apakah yang boleh dikaitkan di antara hadith dengan ayat al-Quran diatas ?
- A. tauhid uluhiiyah
  - B. tauhid rububiyyah
  - C. mencari keredhaan Allah
  - D. mencari kebesaran Allah
24. Allah telah menyatakan bahawa penciptaan alam kosmos jauh lebih kompleks jika dibandingkan dengan penciptaan manusia. Perkara ini telah dinyatakan dalam surah
- A. al-ghafir, ayat 57
  - B. al-ghafir, ayat 67
  - C. al-taqwir, ayat 57
  - D. al-ghafir, ayat 67
25. Hadith di atas juga berkait rapat dengan penemuan proses kejadian manusia sebagaimana yang dinyatakan didalam al-Quran surah al-Mukminun ayat14. Di dalam ayat tersebut dinyatakan tentang kejadian *Idzam*. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah tersebut?
- A. kejadian mani
  - B. kejadian zigot
  - C. kejadian daging
  - D. kejadian tulang
26. Setelah membuat kajian berdasarkan al-Quran, haiwan yang melata di dunia ini bermula daripada
- A. air
  - B. api
  - C. angin
  - D. tanah

- عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال بينما نحن جلوس عند رسول الله صلى الله عليه وسلم ذات يوم  
فإنه جبريل أتاك يعلمك دينكم.....
- رواه مسلم

**Soalan 27-33 adalah berdasarkan hadith di atas.**

27. Hadith di atas turut dikenali sebagai hadith
- hadith qudsi
  - hadith jibril
  - hadith mikail
  - hadith mutawathir
28. Apakah konsep yang boleh digambarkan tentang keseluruhan hadith di atas?
- keindahan islam
  - tasawwur islam
  - fenomena sebelum kiamat
  - fenomena alam yang bakal berakhir
29. Menerusi hadith tersebut, apakah yang menjadi dasar kepada keseluruhan umat Islam?
- dasar kedaulatan islam
  - dasar pembinaan masyarakat madani
  - dasar perhubungan antara manusia dengan makhluk lain
  - dasar ketauhidan, pensyariatan dan keikhlasan dalam beribadat
30. Rasulullah SAW telah menyatakan tentang rukun iman tentang kepercayaan kepada kitab-kitab Allah. Apakah hukumnya seseorang yang hanya beriman kepada al-Quran dan menolak kitab-kitab yang lain seperti Zabur, Taurat dan Injil?
- kafir
  - fasik
  - munafik
  - berdosa besar
31. Apakah tanda-tanda kiamat yang dinyatakan di dalam hadith di atas?
- ibu melahirkan tuannya
  - kemunculan golongan miskin yang menjadi kaya raya
  - munculnya imam mahdi dan dajjal
  - wanita lebih ramai daripada lelaki
- i dan ii
  - ii dan iii
  - i, ii dan iii
  - semua yang di atas

"Kamu beribadat kepada Allah, sebagaimana kamu melihatnya. Namun begitu, kamu tidak dapat melihat-Nya. Sesungguhnya, ketahuilah bahawa Dia tetap melihat kamu"

32. Apakah yang dimaksudkan dengan pernyataan di atas?

- A. konsep iman
- B. konsep islam
- C. konsep ihsan
- D. konsep takwa

33. Apakah yang berlaku apabila Malaikat Israfel meniupkan nafiri yang pertama?

- A. bermulanya kehidupan di alam barzakh
- B. sebagai tanda awal bermulanya kiamat
- C. semua ciptaan Allah di alam ini akan hancur
- D. manusia akan dibangkitkan di padang mahsyar

وعطنا رسول الله (صَلَّى) موعظة بلغة، ذرفت منها العيون، ووجلت منها القلوب. فقال قائل : يا رسول الله كأنها موعظة مودع فما تعهد إلينا. فقال: أوصيكم بتقوى الله والسمع والطاعة لولاة الأمر، وإن كان عبدا جبشايا، فإنه من يعش منكم بعدي فسيرى اختلافا كثيرا، فعليكم بسني وسنة الخلفاء الراشدين المهدين ، تمسكوا بها، وعصوا عليها بالنواخذة، وإياكم ومحدثات الأمور. فإن كل محدثة بدعة، وكل بدعة ضلاله

#### **Soalan 34 - 42 adalah berdasarkan hadith di atas.**

34. Apakah yang dimaksudkan dengan bidaah dalam hadith di atas?

- A. sesuatu yang baru dalam urusan ibadat
- B. sesuatu yang baru dalam urusan dunia dan akhirat
- C. sesuatu yang dikaitkan dengan khurafat dan maksiat
- D. sesuatu yang tidak dilakukan oleh Nabi SAW, namun dilakukan oleh sahabat seperti membukukan al-quran

35. Siapakah yang meriwayatkan hadith ini dalam kalangan sahabat?

- A. Irbadh bin Sariah
- B. Umar bin Al-Khattab
- C. Abu Dzar al-Ghifari
- D. Zubair bin al-Awwam

36. Bagaimanakah keadaan sahabat apabila mendengar hadith tersebut?

- A. gembira
- B. menangis
- C. tenang dan redha
- D. bersemangat dan bersedia untuk menyebarkan dakwah

37. Apakah perumpamaan yang digunakan oleh Nabi SAW agar berpegang teguh kepada sunnahnya?

- A. menggenggam pasir
- B. memeluk pokok tamar
- C. mengikat tali dengan ketat
- D. menggigit dengan gigi geraham

- i. Akidah *Syiah*.
- ii. Akidah *Qadariyyah*.
- iii. Akidah *Jabariyyah*
- iv. Akidah *Mutazilah*.

38. Apakah yang boleh dikaitkan dengan ciri-ciri yang dinyatakan di atas?

- A. khurafat dan tasyul
- B. bidaah dalam akidah
- C. bidaah dalam ibadat
- D. sebahagian daripada mazhab-mazhab akidah dalam islam

مَنْ أَحَدَثَ فِي أُمَّرِنَا هَذَا مَا لَيْسَ مِنْهُ فَهُوَ رَدٌّ

Bermaksud: *Sesiapa yang melakukan perkara baru dalam urusan kami (agama), amalan tersebut akan ditolak.*

**Sahih Muslim**

39. Konsep apakah yang boleh dikaitkan dengan hadith di atas?

- A. khurafat
- B. bidaah dalam adat
- C. bidaah dalam akidah
- D. bidaah dalam ibadat

- ▶ Nazar puasa dalam keadaan berpanas di tengah hari.
- ▶ Mengkhususkan solat/puasa/bacaan Quran pada hari tertentu.
- ▶ Melakukan tawaf melebihi 7 pusingan.

40. Contoh-contoh amalan yang dilakukan di atas boleh dikategorikan sebagai

- A. khurafat
- B. bidaah dalam adat
- C. bidaah dalam akidah
- D. bidaah dalam ibadat

41. Amalan bersanding dan bertepung tawar yang dilakukan semasa upacara perkahwinan dikategorikan sebagai

- A. khurafat
- B. bidaah dalam adat
- C. bidaah dalam akidah
- D. bidaah dalam ibadat

وَمَا آتَيْتُكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَأَنْفَوْا إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ٧

*Apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya).*

42. Ayat al-Quran di atas berkait rapat dengan hadith tentang ancaman bidaah dalam kalangan umat Islam. Daripada ayat dan surah manakah ayat tersebut dipetik?

- A. surah al-saba' ayat 8
- B. surah al-nisa' ayat 9
- C. surah al-hasy, ayat 7
- D. surah al-mumtahanah ayat 6

سَيَعْثُ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: مَنْ يُرِدُ اللَّهُ بِهِ خَيْرًا يُفَقِّهُ فِي الدِّينِ، وَإِنَّمَا أَنَا قَائِمٌ وَاللَّهُ يُعْطِي، وَلَنْ تَرَأَ هَذِهِ الْأُمَّةُ قَائِمَةً عَلَى أَمْرِ اللَّهِ، لَا يَضُرُّهُمْ مَنْ خَالَفُهُمْ، حَتَّى يَأْتِي أَمْرُ اللَّهِ.

روام الترمذى و أحمد

### **Soalan 43 - 51 berdasarkan hadith di atas.**

43. Siapakah yang meriwayatkan hadith ini dalam kalangan sahabat?
- Abu Hurairah
  - Bilal bin Rabah
  - Ammar bin Yaser
  - Muawiyah bin Abi Sufyan
44. Apakah yang menyebabkan perawi hadith ini terkenal dalam sejarah Islam?
- beliau merupakan sahabat yang syahid di medan uhud
  - beliau merupakan pengasas kerajaan islam bani umayyah
  - beliau merupakan sasterawan yang diiktiraf oleh Rasulullah SAW
  - beliau melakukan reformasi ketenteraan dengan memberi gaji kepada tentera
45. Apakah surah dalam al-Quran yang amat berkait rapat dengan hadith di atas?
- al-fiil
  - al-tiin
  - al-alaq
  - al-ghasyiah
46. Piagam Madinah merupakan perlumbangan bertulis tertua di dunia. Bilakah piagam tersebut diperkenalkan?
- tahun kedua hijrah
  - tahun ketiga hijrah
  - tahun pertama hijrah
  - setahun sebelum hijrah
47. Berapakah pembahagian fasal yang terdapat di dalam piagam Madinah?
- 40 fasal
  - 45 fasal
  - 47 fasal
  - 50 fasal

48. Siapakah tokoh ilmuwan Islam yang diiktiraf sebagai bapa sosiologi moden, yang mana kitabnya bertajuk *Muqaddimah* telah dijadikan rujukan dalam pembinaan sesebuah negara.

- A. Ibn Sina
- B. Ibn Rushd
- C. Ibn Khaldun
- D. Al-Khawarizmi

Ilmuan Islam yang dapat menguasai pelbagai bahasa seperti Arab, Parsi, Sanskrit, Ibrani, Yunani dan Syiria.

49. Siapakah tokoh yang dimaksudkan di atas?

- A. Ibn Sina
- B. Ibn Rushd
- C. Ibn Khaldun
- D. Al-Khawarizmi

50. Beliau merupakan seorang tokoh perubatan yang diperakui sebagai pakar perubatan moden di zamannya. Beliau telah mengarang sebuah kitab *al-Qanun fi Tibb* dan menjadi rujukan utama para pengamal perubatan moden sehingga kini. Siapakah yang dimaksudkan dengan tokoh tersebut?

- A. Ibn Sina
- B. Ibn Rushd
- C. Ibn Khaldun
- D. Al-Khawarizmi

51. Universiti al-Azhar merupakan diantara universiti tertua di dunia yang diasaskan pada tahun 975 masih dan masih beroperasi sehingga kini. Bilanya bermulanya pengambilan pelajar wanita di universiti tersebut?

- A. tahun 1854
- B. tahun 1961
- C. tahun 1973
- D. tahun 1978

52. Khalifah Umar bin Abdul Aziz terkenal sebagai pemerintah yang berilmu dan zuhud. Diantara jasa beliau yang paling besar ialah mengarahkan pengumpulan hadith secara rasmi. Siapakah di antara tokoh-tokoh besar Islam yang diamanahkan sebagai pengumpul hadith pada waktu itu?

- i. Umrah bin Abdul Rahman
  - ii. Qasim bin Muhammad
  - iii. Muhammad bin Syihab al-Zuhri
  - iv. Muslim bin Hijaj al-Naisaburi
- A. i dan ii  
 B. ii dan iii  
 C. i, ii dan iii  
 D. semua yang di atas

53. Apakah yang dimaksudkan dengan kitab Sunan?

- A. kitab hadith berdasarkan periyatan hadith  
 B. kitab hadith berdasarkan permasalahan hukum  
 C. kitab hadith berdasarkan status kesahihan hadith  
 D. kitab hadith berdasarkan bab-bab tertentu seperti akidah, ibadat dan akhlak

من تكلم بكلام الدنيا في المسجد أحبط الله عمله أربعين سنة

Bermaksud: *Sesiapa yang bercakap-cakap dengan urusan dunia di dalam masjid, Allah akan gugurkan amalannya selama 40 tahun.*

54. Apakah kedudukan status hadith di atas?

- A. sahih  
 B. hasan  
 C. daif  
 D. maudhu'

تسعة أعشار الرزق في التجارة

Bermaksud: *9/10 rezeki datangnya daripada perniagaan*

55. Apakah kedudukan status hadith di atas?

- A. sahih  
 B. hasan  
 C. daif  
 D. maudhu'

56. Bagaimanakah bermulanya penyebaran hadith-hadith palsu dalam masyarakat Melayu?

- A. melalui media-media sosial yang sukar untuk dibendung
- B. melalui saluran penciptaan hadith oleh para penglipurlara
- C. melalui pendakwah yang menyampaikan kuliah tanpa tauliah
- D. melalui kitab-kitab terjemahan arab yang diajar di pondok-pondok tanpa sandaran sanad

57. Bilakah bermulanya penciptaan hadith-hadith palsu dalam sejarah Islam?

- A. selepas kewafatan Rasulullah SAW
- B. selepas pembunuhan Saidina Umar bin al-Khattab
- C. selepas pembunuhan Saidina Uthman bin Affan
- D. selepas peristiwa Tahkim antara Saidina Ali bin Abi Talib dan Muawiyah bin Abi Sufyan

58. Siapakah di antara individu-individu berikut terlibat dalam mencipta hadith-hadith palsu?

- i. Huyai bin Ahtab
  - ii. Masyarah bin Abd. Rabah
  - iii. Nuh Bin Maryam
  - iv. Miqauqis al-Qibty
- A. i dan ii
  - B. ii dan iii
  - C. i, ii dan iii
  - D. semua yang di atas

كان النبي(ص) لا يرفع يديه في شيء من دعائه الا في الاستسقاء وأنه يرفع حتى يرى بياض إبطيه □

Bermaksud " Adalah Nabi SAW tidak mengangkat tangannya dalam mana-mana keadaan berdoa kecuali ketika solat minta hujan. Dan sesungguhnya diangkat sehingga tampak putih ketiak Nabi.

59. Apakah kedudukan status hadith di atas?

- A. sahih
- B. hasan
- C. daif
- D. palsu

الولاء لحمة كل حمة النسب :

Bermaksud "Hubungan keakraban seperti hubungan keturunan"

60. Apakah kedudukan status hadith di atas?

- A. aziz
- B. masyhur
- C. gharib
- D. muqayyad

**BAHAGIAN B : SOALAN BERTULIS**

1. Lengkapkan hadith tersebut serta nyatakan periwayatnya. **(5 markah)**

عن عمر بن الخطاب رضي الله عنه قال بينما نحن جلوس عند رسول الله صلى الله عليه وسلم ذات يوم  
فإنه جبريل أتاك يعلمك دينك .....

2. Terjemahkan hadith tersebut ke dalam Bahasa Malaysia. **(5 markah)**

KERTAS SOALAN TAMAT.  
Sila jawab dengan teliti semoga beroleh kejayaan.

أدعوك بال توفيق والنجاح في الامتحان